

**GARIS PANDUAN
PEMBIAYAAN PENERBITAN
ARTIKEL DI JURNAL
BERINDEKS WOS AND SCOPUS
BAGI TAHUN 2023**

FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN

Objektif Inisiatif

Inisiatif pembiayaan ini adalah untuk mendokong hasrat GRU 2025 serta membantu fakulti mencapai sasaran penerbitan dan sitasi. Ini adalah penting kerana kekurangan komponen QS by Subject Ranking fakulti ialah di bahagian sitasi.

Initiatif ini memberi tumpuan kepada penerbitan artikel di jurnal yang mempunyai 2 indeks sekaligus (WOS dan Scopus) serta diterbitkan oleh penerbit bereputasi, mempunyai liputan yang meluas dan boleh dipercayai.

Initiatif ini juga bertujuan meningkatkan ketampakan output penyelidikan melalui kolaborasi penyelidik FPP dan penyelidik luar bagi mencapai Indeks Prestasi Utama (KPI) penyelidikan pensyarah, sasaran BTU 2022/2023 dan seterusnya, membantu fakulti mempertingkatkan skor MyRA dan SETARA.


Syarat-Syarat Permohonan

1. Pemohon adalah warga Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP), UiTM Puncak Alam.
2. Pemohon adalah penulis koresponden (*corresponding author*) bagi artikel yang diterbitkan.
3. Pemohon tidak terbabit dengan tindakan tatatertib.
4. Artikel hanya boleh diterbitkan di jurnal yang telah dikenalpasti oleh fakulti (rujuk lampiran) dan menjadi tanggung jawab staf untuk memastikan jurnal tersebut adalah berindeks WOS **DAN** Scopus sebelum menghantar dan menerbitkan artikel di jurnal tersebut. Jika PRIME tidak mengesahkan penerbitan tersebut sebagai WOS **DAN** Scopus, artikel tidak akan dibiayai. (Tambah: 1. Artikel mesti berindeks JCR Q1, Q2 DAN Scopus; 2. Berdasarkan pengumuman KPT dan RMC, Jurnal terbitan MDPI dan Frontier tidak akan diterima).
5. Peratusan pembiayaan adalah berdasarkan kepada kumpulan kolaborator iaitu; 1. kolaborator dari industri, 2. penulis Bersama dari universiti tempatan dan 3. penulis Bersama dari universiti luar negara. (*100% bersamaan maksimum RM 5,000 untuk artikel yang mempunyai 3 kumpulan kolaborator, 80% bersamaan maksimum RM 4,000 untuk 2 kumpulan kolaborator, dan 60% bersamaan maksimum RM 3,000 untuk yang mempunyai 1 kumpulan kolaborator*).
6. Artikel mestilah tidak dibiayai oleh mana-mana geran atau dana UiTM (maklumat pembiayaan geran akan dikongsikan dengan Unit Etika Penerbitan UiTM agar tiada isu penyalahgunaan dana bagi proses tuntutan berganda).
7. Seseorang staf hanya boleh dibiayai sekali sahaja menerusi permohonan initiatif ini.
8. Staf perlu memohon PYPA di bawah RMC terlebih dahulu sebelum memohon initiatif ini. (Perubahan: Dimansuhkan)
9. Tajuk artikel tidak boleh sama dengan tajuk geran penyelidikan yang aktif. Melainkan jika dana geran penyelidikan tersebut telah habis digunakan dan KPI penerbitan telah dicapai (permohonan pembiayaan dari fakulti untuk membiayai penerbitan tambahan boleh dipertimbangkan).
10. Jumlah pembiayaan yang dimohon tidak melebihi dari **RM5,000**.
11. Pembayaran akan dibuat setelah artikel dimuatnaik dan disahkan di PRIME sebagai penerbitan berindeks. Pembayaran akan dibuat kepada pemohon berdasarkan **kONSEP BAYAR DAHULU DAN TUNTUT KEMUDIAN**.
12. Keputusan fakulti adalah muktamad.

ASSOC. PROF. DR. MUKTAMAD BIN JAHARAT
Deputy Dean (Research & Innovation)
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
UITM Cawangan Selangor

Kampus Puncak Alam
23/3/23

Carta Alir Permohonan



Pensyarah menerbitkan artikel di jurnal berindeks WOS dan Scopus	Pensyarah (Pemohon)
Pensyarah menyemak syarat-syarat permohonan pembiayaan penerbitan	Pensyarah (Pemohon)
Pensyarah mengisi borang permohonan pembiayaan penerbitan	Pensyarah (Pemohon)
Pensyarah menghantar borang permohonan kepada Koordinator Penyelidikan (KP) – <i>hard copy</i> dan <i>soft copy</i>	Pensyarah (Pemohon)
KP akan menyemak dan memastikan permohonan memenuhi syarat-syarat ditetapkan	KP
Borang permohonan dihantar kepada Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) -TD P&I	TD P&I
Borang permohonan akan dinilai oleh TD P&I	TD P&I
TD P&I akan menghantar hasil penilaian kepada KP.	TD P&I
Pemakluman keputusan penilaian TD P&I	TD P&I
Pemakluman senarai permohonan oleh KP di mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti (JPF)	KP

TERIMA KASIH